

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

# 28 MBK'17 KEKALKAN TRADISI ETNIK SARAWAK MAR



USM, PULAU PINANG, 28 Mac 2017 – Malam Bumi Kenyalang 2017 (MBK'17) kali yang ke-7 mengekalkan tradisi etnik Sarawak dari segi pakaian, tarian dan pertandingan Keling dan Kumang dengan bertemakan Myths and Legends of Sarawak.


Ronee Anak Jemah dari Universiti Sains Malaysia (USM) dinobatkan sebagai Keling dan Julia Ding Anak Marending dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dinobatkan sebagai Kumang. Mengikut Lagenda Kumang dan Keling dalam masyarakat Iban, Keling merupakan lelaki yang mempunyai badan yang tegap, berwajah tampan, dan berani manakala Kumang merupakan isteri kepada Keling yang berwajah yang cantik, lemah lembut dan pandai dalam semua bidang.



Sebanyak 8 buah universiti terlibat dalam MBK'17 termasuk USM yang dianjurkan oleh Perkumpulan Anak-Anak Sarawak (PERKASA) USM dan dirasmikan oleh Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar USM, Dr Nazarudin Zainun mewakili Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni USM.

Universiti yang terlibat adalah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Utara Malaysia (UUM), UPSI, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

UPSI telah dinobatkan juara keseluruhan untuk MBK'17 dan diikuti dengan UPM iaitu naib juara dan tempat ketiga ialah UMP. Kostum terbaik dimenangi oleh UPM manakala koreografer terbaik dimenangi oleh UPSI.



Turut hadir ialah Pegawai Khas kepada Menteri Kerja Raya yang juga Ahli Parlimen Petra Jaya, Sarawak, Md. Rafique Hafeedzy Muhammad Agus, Penasihat PERKASA USM Fadzilla Bosman dan pegawai-pegawai USM.

Teks: Nur Shahidatul Shahira Zakaria (Pelajar Internship PP Komunikasi USM)



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>). | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015